

# MEF sambut baik usaha kerajaan wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan

| | 04 Mac 2022



Gambar kecil: Dr Syed Hussain

KUALA LUMPUR - Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyambut baik dan menyatakan sokongan penuhnya terhadap inisiatif kerajaan untuk mencerdaskan semula ekonomi.

Presidennya, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, usaha pelbagai kementerian telah menjadikan siswazah yang menganggur lebih mudah dipasarkan.

Menurutnya, sokongan kewangan daripada Kementerian Kewangan di bawah inisiatif JaminKerja dan usaha Kementerian Sumber Manusia dalam bentuk latihan dan latihan semula, usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia serta pelbagai sokongan daripada agensinya Talent Corporation dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Kami di MEF menyokong semua inisiatif yang kerajaan lakukan (dalam semangat) kebersamaan untuk membina semula ekonomi kita.

"Kita perlu menghargai dan bersyukur kerana kerajaan sekarang telah banyak berjasa kepada perniagaan dan rakyat walaupun (mempunyai) sumber yang terhad akibat pandemik," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Syed Hussain berkata, tiga inisiatif JaminKerja -- Insentif Penggajian JaminKerja, Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP) serta Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran -- disasarkan untuk mewujudkan 600,000 pekerjaan, dengan sejumlah 300,000 penempatan pekerjaan akan dibuat di bawah Insentif Penggajian JaminKerja, 22,000 di bawah Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran dan 80,000 di bawah MySTEP.

Katanya, lima pasukan petugas khas akan ditubuhkan untuk membantu mencapai sasaran itu.

Beliau yang juga ahli Majlis Pekerjaan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pemulihan ekonomi dan pelbagai inisiatif untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan telah menunjukkan hasil yang positif dengan 42,166 orang mendapat pekerjaan baharu dan 1,200 peluang pekerjaan diwujudkan sehingga Januari 2022.